

1656MST 14 09 87

D423

B B914 DEB
MAHATHIR - PERTANIAN RRRR

BUTTERWORTH, 14 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASINATI MASYARAKAT PETANI SUPAYA MENJALANKAN KERJA-KERJA PERTANIAN SECARA MODEN SUPAYA KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI BUKAN SAHAJA MENGUNTUNGGAN MEREKA SAHKAN NEGARA KESELURUHANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERTANIAN SECARA ESTET YANG MELIBATKAN KAWASAN YANG LUAS ATAU PUN PERTANIAN SECARA BERKELOMPOK MENGUNTUNGGAN SETIAP PETANI DAN SETERUSNYA MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA.

SEKASA MERASMIKAN BANGUNAN PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADP) DI SEBERANG JAYA DEKAT SINI, BELIAU BERKATA KERAJAAN INGIN MELIHAT PENDAPATAN YANG LEBIH TINGGI DIPEROLEHI OLEH RAKYAT KHUSUSNYA DI LUAR BANDAR MENERUSI PROJEK-PROJEK YANG DIRANCANGKAN TERMASUK PROJEK-PROJEK DI BAWAH IADP.

+USAHA KERAJAAN ITU HARUS DISAMBUS DAN DIAMALKAN OLEH RAKYAT KERANA SETIAP PROJEK ADALAH BERMANFAAT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASYARAKAT TANI JUGA HARUS MENGUBAH CORAK PENGURUSAN SECARA TRADISIONAL KEPADA PENGURUSAN MODEN YANG DAPAT MENGHASILKAN MUTU KERJA YANG TINGGI DAN MENGHASILKAN PENGELUARAN YANG MENGUNTUNGGAN. -- LAGI

1726MST 14 09 87

D424

B B917 DEB
MAHATHIR-PERTANIAN 2 BUTTERWORTH

KATANYA KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN SEBUAH UNIVERSITI KHUSUS UNTUK MELAHIRKAN PENGURUS-PENGURUS YANG MAHIR UNTUK MENGENDALIKAN KAWASAN-KAWASAN PERTANIAN YANG DIMAJUKAN SECARA ESTET DAN BERKELOMPOK.

MENURUTNYA TARAF HIDUP MASYARAKAT YANG MENGURUSKAN KAWASAN PERTANIAN MEREKA SECARA TRADISIONAL TIDAK AKAN DAPAT MENGELUARKAN HASIL YANG BERMUTU TINGGI NALAHAN PENGALAMAN MASA LAMPAU MENUNJUKKAN PENGURUSAN YANG TIDAK CEKAP ITU MEMBUAHKAN PEMBAZIRAN.

SELAIN DARIPADA ITU, KATANYA, KERAJAAN MAHUKAN RAKYAT LEBIH INOVATIF DENGAN BERUSAHA MEMAJUKAN TANAMAN-TANAMAN TERTENTU SEPerti KELAPA BALI SECARA KOMERSIL YANG TERBUKTI BERJAYA DIMAJUKAN OLEH KAUM TANI DI SEBUAH NEGARA JIRAN.

KERAJAAN SENDIRI MELAKUKAN BANYAK PENYELIDIKAN UNTUK MENGELUARKAN BENIH TANAMAN-TANAMAN YANG LEBIH BAIK SUPAYA MASYARAKAT PETANI AKAN MENIKMATI TARAF KEHIDUPAN YANG LEBIH TINGGI PADA MASA HADAPAN.

KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU BERKATA PROJEK IADP YANG DILANCARKAN DI NEGERI INI PADA 1983 TELAH MENGENALPASTI HAMPIR 70,000 HEKTAR TANAH YANG DIANGGAP SESUAI UNTUK TUJUAN PERTANIAN TERMASUK KIRA-KIRA 15,000 HEKTAR UNTUK TANAMAN PADI.-- LAGI

1730MST 14 09 87

D426

B. 2919 DEB
MAHATHIR-PERTANIAN 3 BUTTERNORTH

KATANYA LEBIH 51,000 PETANI DIJANGKA TERLIBAT DALAM PROJEK-PROJEK IADP DI SELURUH NEGERI DENGAN 84 PERATUS DARIPADA MEREKA TINGGAL DI SEBERANG PERAI.

DR. LIM BERKATA KESELURUHAN PROJEK IADP DI NEGERI INI DARIPADA 1983 HINGGA 1998 MELIBATKAN PERBELANJAAN KIRA-KIRA \$233 JUTA TERMASUK \$106 JUTA DIPERUNTUKKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA INI.

MENGENAI PEMBANGUNAN DI SEBERANG PERAI BELIAU BERKATA DIANGGARKAN 51 PERATUS DARIPADA PENDUDUK DI NEGERI INI DIJANGKA AKAN TINGGAL DI SEBERANG PERAI MENJELANG TAHUN 2000 DENGAN KESELURUHAN PENDUDUK DI NEGERI INI DIJANGKA SERAMAI DUA JUTA ORANG.

UNTUK MENGHADAPI PERTAMBAHAN PENDUDUK DI SEBERANG PERAI KERAJAAN NEGERI AKAN MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS DI KAWASAN TANAH BESAR TERMASUK PENINGKATAN PEMBANGUNAN DI ESTET-ESTET PERINDUSTRIAN KHUSUSNYA DI PERAI DAN MAK MANDIN.

KETUA MENTERI BERKATA PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG MERANCANGKAN MENJADIKAN SEBERANG JAYA SEBAGAI PUSAT PERTUMBUHAN BARU DENGAN PEMBINAAN LEBIH 5,200 UNIT RUMAH DENGAN ANDAIAN PENDUDUK DI SITU AKAN BERJUMLAH 250,000 ORANG PADA MASA HADAPAN.

YANG TURUT HADIR DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID DAN MENTERI PENDIDIKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAKUKAN UPACARA PECAH TANAH PROJEK PERUMAHAN +CLUSTER+ (KELOMPOK) SEBANYAK 355 UNIT DAN KEMUDIAN MELAWAT EKSPLO PERTANIAN DAN PERIKANAN PERINGKAT NEGERI DI TEMPAT YANG SAMA.-- BERNAMA

1735MST 14 09 87